

KERATAN AKHBAR-AKHBAR TEMPATAN
TARIKH : 12 MAC 2018 (ISNIN)

Bil	Tajuk	Akhbar
1.	Budaya inovasi bermula dari pendidikan	BERNAMA
2.	Makmal pengujian brek SIRIM	Utusan Malaysia
3.	SIRIM lancar modul pengujian fotovoltaik	Utusan Malaysia
4.	Gempa bumi 3.1 pada skala Richter gegar Ranau	KOSMO
5.	Gempa kecil 3.1 landa Ranau	BERNAMA
6.	Animals good for our health	New Straits Times

**BERITA ONLINE
BERNAMA.COM**
TARIKH: 12 MAC 2018 (ISNIN)



Budaya Inovasi Bermula Dari Pendidikan - Abu Bakar

Tarikh kemaskini: 11/03/2018



NILAI, 11 Mac (Bernama) -- Pembudayaan inovasi dan kreativiti perlulah bermula dengan pendidikan dan melibatkan semua golongan rakyat Malaysia, terutamanya generasi muda.

Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi Datuk Dr Abu Bakar Mohamad Diah berkata ini bertepatan dengan prinsip 1Malaysia yang mana setiap rakyat Malaysia merupakan modal insan yang berpotensi untuk memberi sumbangan yang bermakna kepada negara.

"Inovasi yang dihasilkan oleh pencipta dan inovator juga perlulah diguna pakai dalam kehidupan seharian kita.

"Sebab itu para pencipta mesti memikirkan adakah produk yang mereka cipta itu boleh diguna pakai oleh masyarakat," katanya.

Beliau berkata demikian semasa berucap pada majlis Islamic Global Innovation Festival and Talents (i-GIFT) dan Majlis Penyampaian Anugerah Eksspo Inovasi Islam, di sini hari ini.

Turut hadir Naib Canselor Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) Profesor Datuk Dr Musa Ahmad.

Mengenai i-GIFT, Abu Bakar berkata program seumpama ini memberi peluang kepada para pencipta dan inovator untuk bertemu dan mempamerkan produk inovasi ciptaan masing-masing.

"Melalui program ini, para penyelidik dan pelajar pelbagai peringkat pengajian akan menerima pendedahan awal tentang inovasi dan kepentingannya kepada pembangunan sesebuah negara," katanya.

Sementara itu, peserta dari USIM memenangi Anugerah Inovasi Islam (Kategori Prasiswazah) menerusi ciptaannya ARSOM: Aplikasi Android bagi pembelajaran bahasa isyarat Arab menggunakan realiti bertambah dan membawa pulang wang tunai RM3,000, trofi dan sijil.

Peserta dari Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor juga mengungguli Anugerah Inovasi Islam (Kategori Terbuka) menerusi ciptaan Model Rumah Sadaqa dan membawa pulang wang tunai RM3,000, trofi dan sijil.

Program i-GIFT yang bertemakan Inovasi Untuk Kesejahteraan Masyarakat berlangsung dua hari bermula semalam, disertai 2,500 peserta terdiri daripada pelajar universiti dan sekolah serta agensi kerajaan.

Antara program dilaksanakan di bawah i-GIFT ialah Ekspo Inovasi Islam kali kelapan (8th i-Inova 18) yang bertujuan mendedahkan inovasi melalui pemikiran kreatif; pameran Sains, Teknologi, Keagamaan, Kejuruteraan, Kesenian dan Kesusasteraan dan Matematik (STREAM); pendidikan kepenggunaan halal (Halal Istihlak), pameran Quran Sunnah untuk golongan istimewa dan seminar.

-- BERNAMA

KERATAN AKHBAR
UTUSAN MALAYSIA (MEGA SAINS) : MUKA SURAT 18
TARIKH : 12 MAC 2018 (ISNIN)

Makmal pengujian brek SIRIM

SIRIM QAS International Sdn Bhd, anak syarikat SIRIM Berhad, baru-baru ini melancarkan fasiliti pengujian yang terbaru iaitu makmal pengujian brek, sekali gus menjadikan ia satu-satunya makmal pengujian komersial di ASEAN yang memiliki fasiliti pengujian sedemikian.

Dengan wujudnya fasiliti tersebut, SIRIM QAS International boleh menjalankan aktiviti pengujian seperti ujian bahan dan ujian prestasi.

Aktiviti pengujian juga melibatkan pengenal pasti nilai geseran yang terdapat pada pelapis brek dan pasangan kasut brek dan pengujian terhadap brek cakera serta brek gelendong bagi kategori kendaraan di bawah lima tan.

Penubuhan makmal pengujian brek tersebut akan menyokong pelaksanaan dan penguatkuasaan Perintah Perihal Dagangan (Penandaan Pasangan Pelapik Brek Gantian) 2014 serta peraturan UNECE R90 iaitu peraturan teknikal yang diterima secara global dan dimasukkan ke dalam Kaedah-kaedah Kenderaan Motor (Pembinaan dan Penggunaan) (Pindaan) 2016 bawah Akta Pengangkutan Jalan 1987.

Undang-undang tersebut bertujuan melindungi pengguna kendaraan, mencegah pemasangan alat gantian pelapik brek, pelapik gelendong brek serta brek cakera dan brek gelendong tempatan dan import yang diragui daripada dijual di pasaran tempatan.

Makmal yang terletak di Kompleks SIRIM, Shah Alam ini boleh menjalankan pengujian berdasarkan standard berikut:

- Kenderaan - Penggantian Brek dan Geleodong Brek Untuk Kuasa - Spesifikasi No. 90 - Keperluan keseragaman berkenaan kelulusan penggantian brek dan cakera serta gelendong untuk kuasa pemanduan kendaraan dan treler.
- UN Pendaftaran Regulasi No. 90 - Keperluan keseragaman berkenaan kelulusan penggantian brek dan cakera serta gelendong untuk kuasa pemanduan kendaraan dan treler.

Pengarah Urusan, SIRIM QAS International Sdn. Bhd. **Mohd.**



KEMUDAHAN pengujian brek milik SIRIM QAS International di Shah Alam, Selangor.



**MOHD. AZANUDDIN
SALLEH**

Azanuddin Salleh berkata, pengilang yang sebelum ini perlu menghantar produk mereka ke luar negara untuk menjalankan proses pengujian yang berkos tinggi, kini boleh menguji produk mereka di makmal tersebut dengan kos yang lebih rendah.

"Kualiti bahan geseran brek dan sistem pembrekan secara keseluruhan adalah kritis bagi kendaraan bermotor untuk beroperasi dengan selamat, sekali gus memastikan keselamatan pemandu dan penumpang kendaraan tersebut dan pengguna jalan raya yang lain adalah terjamin.

"Oleh itu, adalah penting untuk menguji dan mengesahkan komponen tersebut terlebih dahulu bagi menghalang komponen brek yang tidak berkualiti dan tiruan daripada menembusi pasaran," katanya pada pelancaran makmal



Kualiti bahan geseran brek dan sistem pembrekan secara keseluruhan adalah kritis bagi kendaraan bermotor untuk beroperasi dengan selamat"

pengujian itu di Shah Alam baru-baru ini.

SIRIM QAS International merupakan badan peneraju utama di negara ini yang menawarkan perkhidmatan pensijilan, pemeriksaan dan pengujian yang setanding dengan amalan antarabangsa.

Syarikat berkewajipan membantu industri dalam menyediakan perkhidmatan dan barang berkualiti melalui perkhidmatan pensijilan, pemeriksaan dan pengujian kami, di samping menjaga kepentingan pengguna serta alam sekitar.

KERATAN AKHBAR
UTUSAN MALAYSIA (MEGA SAINS) : MUKA SURAT 18
TARIKH : 12 MAC 2018 (ISNIN)

SIRIM lancar modul pengujian fotovoltan

SIRIM QAS International baru-baru ini melancarkan satu-satunya fasiliti pengujian Modul Fotovoltan di Malaysia di Shah Alam, Selangor.

Fasiliti pengujian yang pertama itu akan dapat memberikan kepastian terhadap pematuhan Modul Fotovoltan dari aspek keselamatan, kualiti dan prestasi, yang selaras dengan standard kebangsaan dan antarabangsa.

Makmal dengan kemudahan terkini itu telah dilancarkan oleh Timbalan Ketua Setiausaha (Strategi & Pemantauan), Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Wan Suraya Wan Mohd. Radzi.

Presiden dan Ketua Eksekutif Kumpulan SIRIM-Berhad, Prof. Ir. Dr. Ahmad Fadzil

Mohamad Hani berkata, sokongan yang diterima dari Kumpulan Industri-Kerajaan Untuk Teknologi Tinggi Malaysia (MIGHT) bawah program Latihan dan Pensijilan Hab Serantau Untuk Pengujian Solar membolehkan SIRIM QAS International menubuhkan fasiliti tersebut dalam membangun, menyokong dan meningkatkan industri fotovoltan di negara ini.

“Malaysia kini merupakan pengeluar Modul Fotovoltan yang ketiga terbesar di dunia.

“Pengilang sebelum ini perlu menghantar Modul Fotovoltan mereka ke Eropah atau Amerika untuk menjalankan proses



DR. AHMAD FADZIL MOHAMAD HANI (kanan) dan Presiden dan Ketua pegawai Eksekutif MIGHT, Datuk Dr. Mohd. Yusoff Sulaiman bersama-sama Wan Suraya Wan Mohd. Radzi melancarkan makmal pengujian Modul Fotovoltan di Shah Alam, Selangor baru-baru ini.

pengujian. Kini mereka boleh menguji Modul Fotovoltan di Malaysia dengan kos yang lebih rendah,” katanya.

Makmal yang terletak di Seksyen 16, Shah Alam itu berupaya untuk menjalankan pengujian berdasarkan keperluan standard yang berikut:

- Standard Malaysia, MS IEC 61215:2005 (*Crystalline Silicon Terrestrial PV Modules - Design Qualification and Type Approval*) dan MS 61646:2010 (*Thin-film Terrestrial PV Modules - Design Qualification and Type Approval*),
- Edisi terbaru Suruhanjaya Elektroteknikal

Standard Antarabangsa (IEC), IEC 61215-1:2016, IEC 61215-2: 2016, IEC 61730-1:2016 dan IEC 61730-2: 2016 yang meliputi kedua-dua jenis modul fotovoltan iaitu *crystalline silicon* dan *thin-film terrestrial*.

“Selain menyokong pertumbuhan industri fotovoltan di Malaysia dan memberikan manfaat kepada pengeluar Modul Fotovoltan, pembangunan fasiliti pengujian yang baru ini juga dapat membantu kerajaan dalam membendung longgokan modul yang tidak mengikuti standard di dalam pasaran Malaysia,” kata Ahmad Fadzil.

MODUL pengujian fotovoltan yang dimiliki SIRIM di Shah Alam, Selangor.



**KERATAN AKHBAR
KOSMO (NEGARA) : MUKA SURAT 16
TARIKH: 12 MAC 2018 (ISNIN)**

Gempa bumi 3.1 pada skala Richter gegar Ranau

KOTA KINABALU - Gempa bumi kecil berukuran 3.1 pada skala Richter menggegar daerah Ranau dekat sini malam tadi.

Menurut kenyataan **Jabatan Meteorologi**, gempa yang berlaku pada pukul 7.46 malam itu berpusat di 6.0 darjah utara dan 116.6 darjah timur.

Gegaran dilaporkan berlaku di sekitar Ranau, na-

mun tidak menyebabkan sebarang kerosakan.

Pada Khamis, daerah berbukit itu dilanda gempa sederhana dengan kekuatan 5.2 pada skala Richter diikuti oleh satu lagi gegaran berukuran 3.1 pada skala Richter sehari kemudian.

Gempa pada kedalaman lima kilometer yang berpusat di 6.1 darjah utara dan 116.6 darjah timur itu turut

dirasai di hampir kebanyakannya daerah pantai barat Sabah termasuklah Kota Belud, Tuaran, Penampang dan Kota Kinabalu.

Susulan kejadian itu, semua aktiviti pendakian di Gunung Kinabalu dihentikan sementara sebelum ia dibuka semula pada Jumaat.

Aktiviti berkenaan dibuka semula kepada orang ramai selepas tinjauan mendapati

tiada sebarang kerosakan pada laluan ke puncak Gunung Kinabalu.

Sabah pada 5 Jun 2015 telah dikejutkan dengan gempa bumi kuat dengan kekuatan 5.9 pada skala Richter yang berpusat di Ranau.

Gegaran kuat yang dirasai di hampir kesemua daerah di negeri itu turut mengorbankan 18 nyawa.

**BERITA ONLINE
BERNAMA.COM**
TARIKH: 12 MAC 2018 (ISNIN)



Gempa Kecil 3.1 Landa Ranau

Tarikh kemaskini: 11/03/2018

KUALA LUMPUR, 11 Mac (Bernama) -- Gempa bumi kecil berukuran 3.1 pada skala Richter berlaku di Ranau, Sabah pada 7.46 malam ini.

Menurut kenyataan Jabatan Meteorologi Malaysia, gempa berlaku di 6.0 darjah utara dan 116.6 darjah timur.

"Gegaran dirasakan di Ranau," kata kenyataan itu.

Pada Khamis, daerah berbukit itu dilanda gempa sederhana 5.2, diikuti satu lagi gegaran berukuran 3.1 pada skala Richter sehari kemudian.

-- BERNAMA

KERATAN AKHBAR
NEW STRAITS TIMES : MUKA SURAT 14
TARIKH : 12 MAC 2018 (ISNIN)



TAN SRI
DR ZAKRI
ABDUL
HAMID

ENVIRONMENT

ANIMALS GOOD FOR OUR HEALTH

Pollution, intensive agriculture, climate change and pesticides pose threats to them and, therefore, to human wellbeing

PROTECTING nature is no longer deemed a whimsical luxury. It is an economic, cultural and ecological necessity.

Increasingly, conservation is accepted as part of mainstream policymaking because nature provides us with so many essential services – pollination, pest control, food security, medicine and preventing the spread of diseases.

Think about the importance of pollination, for example. Most of the world's food crops and wild flowering plants depend on pollination by bats, birds, bees and butterflies, which are, therefore, guarantors of human food security.

Intensive agriculture, pesticides, pollution, invasive species and climate change pose threats to pollinators and, therefore, to human wellbeing. In addition to pollination, bats consume large numbers of harmful insects, thereby reducing damage to crops, the need for chemical pesticides, and the spread of malaria, dengue fever and other diseases.

Growing awareness of these animals' vital role, thanks in no small part to a landmark Intergovernmental Science-Policy Platform on Biodiversity and Ecosystem Services (IPBES) assessment report on pollinators launched in Kuala Lumpur in 2016, has encouraged nations to take steps. The United Nations even recently declared May 20 as World Bee Day.

In addition to their vital services, animals are also the bedrock of a multi-billion-dollar global ecotourism industry.

Animals are simply beautiful and fascinating, and their contribution to national economies is considerable. Tourism is booming worldwide with more than 1.1 billion foreign trips made in 2014 and one of the most vibrant sec-



A bee feeding on pollen at a fruit farm in Rawang. Most food crops and wild flowering plants depend on pollination.
FILE PIC

tors is eco-tourism, the branch that includes wildlife watching.

Ours ranks among the world's most biodiverse countries with large numbers of endemic species, part of internationally renowned hotspots such as the Coral Triangle and Sundaland – home to elephants, monkeys, orangutans, tigers, tapirs and rhinoceroses.

Naturally, Malaysia's share of the tourism business is big – around 25 million tourists every year, many of them attracted by this country's aquatic and terrestrial wonders.

Studies have shown that wild animals can generate far more income alive than dead. The meat and gills of a Manta Ray, for example, might bring US\$500 (RM2,000). A living specimen can, however, contribute tourist revenue of millions of dollars over its lifetime.

To protect our natural heritage, and corresponding economic interests, we must not only act at home but must also engage internationally.

There are five international conventions working towards the protection of biodiversity: the Convention on Biological Diversity, the World Heritage Convention, the Ramsar Convention on Wetlands, the Convention on International Trade in Endangered Species and Convention on the Conservation of Migratory

Species of Wild Animals (CMS).

Malaysia is a party to the first four but, curiously, not to CMS. Negotiated by world governments in the late 1970s, CMS coordinates global action to conserve land-based, aquatic and bird wildlife that cyclically and predictably crosses international borders.

Migratory species are an integral part of the world's fauna, but are threatened due to climate change, pollution, habitat loss, illegal trade and poaching.

CMS has 124 parties, including Brazil, India and other G20 countries and the list continues to grow with the United Arab Emirates being one of the newest recruits. These countries recognise that conserving migratory species is the responsibility of all Range States and that the convention provides a platform through which to collaborate.

Malaysia, notwithstanding its rich wildlife, has yet to join, despite having signed the regional instrument for marine turtles of the Indian Ocean concluded under CMS.

Certainly, Malaysia is committed to achieving the Sustainable Development Goals (SDGs) agreed at a United Nations summit in September 2015 and attended by Prime Minister Datuk Seri Najib Razak. Among the tools at Malaysia's disposal to turn good intentions into real

achievement on the ground is active membership of the biodiversity-related conventions, because a clean and flourishing environment is a prerequisite for sustainable development.

Many of the species in Malaysia occur here and nowhere else. Malaysia therefore bears a duty to ensure their survival. But many species also migrate through Malaysia and the country has a shared responsibility as one link in the chain of the life cycles of marine turtles, whales, dolphins and dugongs as well as countless birds.

Malaysia succeeded in achieving the Millennium Development Goals (MDGs), the precursors of SDGs, to which the Malaysian government is also committed.

CMS is of direct relevance to the implementation of SDGs, in particular, goal 14, relating to life below water, and goal 15, life on land.

Surely it is time for our country to accede to CMS, to complete Malaysia's membership in the set of international environmental agreements, and to fill an important gap in the Convention's global coverage.

zakria@pmo.gov.my
The writer is science adviser to the prime minister and the founding chair of the Intergovernmental Science-Policy Platform on Biodiversity and Ecosystem Services

To protect our natural heritage, and corresponding economic interests, we must not only act at home but must also engage internationally.